

Latihan kemahiran bantu keluar daripada gelandangan - Dr Zaliha

SEGAMAT - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan terus memberi latihan kemahiran kepada gelandangan di Kuala Lumpur bagi membolehkan mereka kembali dalam masyarakat dan membina hidup baharu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Zaliha Mustafa berkata, latihan diberikan itu nanti antaranya memasak, gunting rambut dan membuat kraftangan akan membantu mereka mendapatkan kerja yang sesuai dengan kemahiran mereka sekali gus dapat menjana sumber pendapatan dan pekerjaan.

"Kemahiran ini kita tawarkan kepada ratusan gelandangan yang berlindung di Pusat Transit Kuala Lumpur (PTKL) di bawah JKJ. Ada juga di antara mereka mempunyai kemahiran-kemahiran yang boleh digarap dan kemudian kita bantu mereka untuk keluar daripada isu gelandangan.

"Contohnya kemahiran yang mudah seperti memasak, gunting rambut dan sebagainya, kemudian kita beri pekerjaan yang akhirnya boleh menyara kehidupan mereka dan keluar daripada masalah gelandangan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Peruntukan Ahli Parlimen Sekijang Kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Bawah Kawasan Parlimen Sekijang Tahun 2024 di Pejabat Daerah Segamat di sini pada Ahad.

Menurut Dr Zaliha yang juga Ahli Parlimen Sekijang, usaha itu dijangka dapat mengurangkan lambakan gelandangan di Kuala Lumpur

yang kebanyakannya berpunca daripada masalah seperti ketiadaan rumah.

Katanya, tidak mudah untuk mensifarkan jumlah gelandangan, namun beliau akan cuba melakukan beberapa pendekatan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan khususnya dalam pemberian makanan kepada mereka.

"Kalau kita tengok tentang isu lambakan warga asing mahupun gelandangan, bagi saya memang betul ia adalah isu legasi dan di peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan di bawahnya agensi yang ada termasuk DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur), kita sedang merancang tindakan yang lebih bersepadu melibatkan lebih banyak agensi," katanya.

Ujarnya, ini termasuk Jabatan Imigresen Malaysia dan polis bagi melibatkan isu warga asing, manakala JKJ dan Yayasan Kebajikan Negara melibatkan penyelesaian isu gelandangan.

"Baru-baru ini saya telah berjumpa dengan lebih daripada 10 agensi terlibat untuk kita merancang apakah penyelesaian terbaik yang boleh kita laksanakan kepada dua isu legasi ini.

"Contohnya pekerja asing, ia perlulah satu tindakan yang lebih adil dan ada sebahagian besar daripada mereka ini yang kita dapat (tahan) baru-baru ini dalam Operasi Mini Dhaka lebih kurang 10 peratus sahaja.

"Mereka tidak mempunyai dokumen, jadi mungkin mereka hadir ke Kuala Lumpur itu untuk bertemu rakan-rakan senegara atau hari libur mereka dan sebagainya," kata Zaliha.